



Munawir dan peserta dari UniKL MSI yang memenangi acara dalam pertandingan I-Enex.

UniKL MSI rangkul empat pingat emas

KULIM - Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish institute (UniKL MSI) merangkul empat pingat emas dan dua anugerah khas pada pertandingan International Engineering Invention and Innovation Exhibition (I-Envex) yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (Unimap), baru-baru ini.

Dalam pertandingan itu, dua penyelidik UniKL MSI juga menerima anugerah khas iaitu Munawir Ridzwan dan Muhamad Husaini Abu Bakar.

Manakala empat pingat emas dimiliki Munawir Ridzwan, Muhamad Husaini Abu Bakar, Zulkarnain Abdul Latif dan Nozalina Othman.

Pingat Perak pula dirangkul oleh Dr Sharmiwati Mohammed Sharif dan Mohd Nurhidayat Zahmelem.

Pertandingan I-Envex disertai 457 produk inovasi dari serata negara termasuk Indonesia, Taiwan, Korea Selatan, Oman, Vietnam, Filipina, Iran, Iraq dan Mesir.